By Bernama Online, 5 August 2020













05/08/2020 07:17 PM

KUALA LUMPUR, 5 Ogos -- Boustead Plantations Bhd melantik Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman sebagai pengarah bebas berkuat kuasa hari ini.

Dalam kenyataan hari ini, syarikat itu berkata Ahmad Tajuddin, 66, seorang profesional yang mempunyai pengalaman hampir 45 tahun dengan latar belakang yang kukuh dalam industri perladangan.

"Syarikat mengalu-alukan Ahmad Tajuddin dalam Lembaga Pengarah dan berharap mendapat manfaat daripada pengalaman luas beliau dalam sektor perladangan," menurut Boustead Plantations.

Pelantikan beliau selepas Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah, 56, sebagai pengarah bukan bebas pada bulan lepas.

Pada 24 Jun, tiga ahli Lembaga Pengarah syarikat itu bersara, termasuk pengerusi Datuk Syed Tamim Ansari Syed Mohamed.